

---

21 December 2015

By Courier and Fax

Encik Mohd. Jaafar B. Embong  
Director, Revenue Collection Department  
Headquarters, Inland Revenue Board of Malaysia  
Level 15, Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya  
Selangor  
Fax no.: 03-8313 7823

Dear Encik Mohd. Jaafar,

**FEEDBACK ON THE TAX COLLECTION FRAMEWORK - AMENDMENT 1-2015**

We are pleased to submit this Feedback prepared by the Chartered Tax Institute of Malaysia's Compliance and Operations Working Group (COWG) on the Tax Collection Framework – Amendment 1-2015 for your kind attention.

We look forward to your response to the COWG's Feedback.

Thank you.

Yours sincerely,



**Seah Siew Yun**  
Deputy President / Chairman of COWG  
CHARTERED TAX INSTITUTE OF MALAYSIA

Enclosure



## **FEEDBACK ON**

# **TAX COLLECTION FRAMEWORK 2015 (AMENDMENT 1-2015)**

Date: 21 December 2015

Prepared by:  
Compliance & Operations Working Group (COWG)



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**RANGKA KERJA PUNGUTAN**

**TARIKH KELUARAN : OGOS 2015**

**RANGKA KERJA PUNGUTAN**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>4</b>
1.1	Pengenalan Kepada Pungutan Cukai	
1.2	Tujuan	
<b>2</b>	<b>BAB A : BAYARAN CUKAI PENDAPATAN- AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)</b>	
2.1	Potongan Cukai Bulanan (PCB)	<b>5</b>
2.1.1	Pengenalan	
2.1.2	Asas Anggaran dan Kaedah Pelaksanaan PCB	
2.1.3	Rayuan dan Pindaan Amaun PCB	
2.1.4	Pematuhan PCB	
2.2	Skim Bayaran Ansuran Di Bawah Seksyen 107B ACP (CP500)	<b>8</b>
2.2.1	Pengenalan	
2.2.2	Asas Anggaran dan Prosedur Bayaran CP500	
2.2.3	Rayuan dan Pindaan CP500	
2.2.4	Kenaikan cukai dan Pematuhan CP500	
2.3	Skim Bayaran Ansuran di bawah Seksyen 107C ACP (CP204)	<b>10</b>
2.3.1	Pengenalan	
2.3.2	Asas Anggaran dan Prosedur Bayaran CP204	
2.3.3	Pindaan CP204	
2.3.4	Kenaikan cukai dan Pematuhan CP204	
<b>3</b>	<b>BAB B : CUKAI PETROLEUM- AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (PITA)</b>	<b>13</b>
	Skim Bayaran Ansuran di bawah Seksyen 49A PITA (CP250)	

- 
- 3.1 Pengenalan
  - 3.2 Asas Anggaran dan Prosedur Bayaran CP250
  - 3.3 Pindaan CP250
  - 3.4 Kenaikan cukai dan Pematuhan CP250

**4 BAB C : CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH-**

**AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (ACKHT)** 16

- 4.1 Pengenalan CKHT.
- 4.2 Bayaran CKHT
- 4.3 Kenaikan cukai dan Pematuhan CKHT

**5 BAB D : PERCUKAIAN AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN-**

**AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 (LBATA)** 19

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Bayaran Cukai LBATA
- 5.3 Kenaikan cukai dan Pematuhan Cukai LBATA

**6 BAB E : CUKAI PEGANGAN**

20

- 6.1 Pengenalan
- 6.2 Jenis-Jenis Bayaran Yang Tertakluk Kepada Cukai Pegangan dan Kadar Cukai Di Bawah ACP
- 6.3 Pematuhan Cukai Pegangan / Kenaikan cukai

**7 BAB F : PERKHIDMATAN BAYARAN**

22

- 7.1 Perkhidmatan Bayaran Melalui Medium Bayaran Elektronik
- 7.2 Pembayaran Di Kaunter LHDNM
- 7.3 Perkhidmatan Bayaran Cukai oleh Ejen-Ejen Kutipan LHDNM
- 7.4 Bayaran Cukai Melalui Pindahan Wang Dari Luar Negara

**8 BAB G : PEMUNGUTAN**

31

- 8.1 Baki Tertunggak Cukai Pendapatan
- 8.2 Tarikh Kena Di Bayar
- 8.3 Kenaikan Cukai Seksyen 103 ACP
- 8.4 Ansuran Baki Cukai

---

8.5 Pemungutan Cukai Tertunggak

**9 BAB H : BAYARAN BALIK** **35**

- 9.1 Pengenalan
- 9.2 Prosedur Bayaran Balik Kepada Pembayar Cukai
- 9.3 Prosedur Bayaran Balik CKHT
- 9.4 Bayaran Balik Kepada Pihak Ketiga
- 9.5 Cara Bayaran Balik
- 9.6 Pampasan Bayaran Balik Di Bawah Seksyen 111D ACP

Lampiran **48**

---

## **RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI**

### **1 PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan Kepada Pungutan Cukai**

- 1.1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil dan cekap dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara. Kutipan hasil digunakan untuk membangun dan memakmurkan negara demi kesejahteraan bersama.
- 1.1.2 Semua urusan pungutan beroperasi di cawangan-cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sementara itu, urusan pembayaran boleh dibuat secara elektronik (ByrHASiL, e-PCB dan e-Data PCB) atau di ejen-ejen kutipan serta di tiga pusat bayaran cukai iaitu Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Pusat Bayaran Kota Kinabalu dan Pusat Bayaran Kuching.

#### **1.2 Tujuan**

- 1.2.1 Rangka Kerja Pungutan Cukai bertujuan memberi panduan kepada pembayar cukai, majikan dan ejen-ejen yang dilantik berhubung tatacara pungutan bagi memastikan pelaksanaan pungutan cukai dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.
- 1.2.2 Rangka Kerja Pungutan ini turut memberi panduan kepada pembayar cukai, majikan dan ejen-ejen cukai tentang peraturan bayaran dan pilihan cara bayaran yang boleh digunakan mengikut jenis pendapatan.
- 1.2.3 Rangka Kerja Pungutan ini juga menerangkan kaedah-kaedah pemungutan dan kaedah pembayaran balik.

---

**2 BAB A : BAYARAN CUKAI PENDAPATAN - AKTA CUKAI PENDAPATAN  
1967 (ACP)**

**2.1 Potongan Cukai Bulanan (PCB)**

**2.1.1 Pengenalan**

- a) PCB adalah satu mekanisma potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan pekerja oleh majikan, berdasarkan Kaedah Pengiraan Berkomputer atau Jadual PCB. Kaedah ini adalah diperuntukkan di bawah Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994.
- b) PCB merupakan bayaran ansuran cukai tahun semasa, sebelum taksiran diwujudkan, bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai ditaksirkan.

**2.1.2 Asas anggaran dan kaedah pelaksanaan PCB**

Penentuan amaun PCB adalah berdasarkan kepada dua kaedah seperti berikut:

**2.1.2.1 Kaedah Pengiraan Berkomputer.**

Kaedah ini adalah terpakai dalam mana-mana keadaan berikut:

- 1) Majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian (senarai pembekal perisian boleh

**RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI**  
**PINDAAN 1/2015**

diperolehi dari laman sesawang LHDNM) atau sistem yang dibangunkan oleh majikan mengikut spesifikasi yang telah disahkan oleh LHDNM.

- 2) Majikan yang menggunakan sistem yang dibangunkan oleh LHDNM (e-PCB, e-Data PCB dan kalkulator PCB)

i. e- PCB

- e-PCB disediakan untuk kegunaan majikan yang tidak mempunyai sistem bayaran gaji berkomputer untuk mengira dan membayar PCB.
- Sistem ini juga membantu majikan untuk menyimpan maklumat pekerja dan mengemukakan data bayaran PCB secara dalam talian kepada LHDNM. Ia memastikan pengiraan PCB yang betul dan tepat.
- Majikan boleh membuat cetakan borang EA dan CP8D.

ii. e-Data PCB

- Sistem e-Data PCB disediakan untuk kegunaan majikan yang mempunyai sistem bayaran gaji berkomputer, memuat naik fail teks CP39 secara dalam talian (online).

- Penggunaan sistem ini dapat membantu majikan menyemak format data dan menghantar data yang menepati spesifikasi yang ditetapkan.

iii. Kalkulator PCB

- Sistem yang disediakan untuk mengira dan menyemak PCB berdasarkan pendapatan tahun semasa.
- Amaun PCB yang dipotong bergantung kepada saraan bulanan, tambahan dan potongan yang dibenarkan.

2.1.2.2 Jadual PCB

- i. Jadual PCB dikeluarkan oleh LHDNM sebagai alternatif bagi majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer untuk menentukan jumlah PCB.
- ii. Bagi bayaran kategori ‘pendapatan tambahan’ (bonus, pampasan, tunggakan dan lain-lain bayaran yang dibuat secara sekaligus) hendaklah menggunakan ‘formula saraan tambahan’ untuk membuat pengiraan PCB bagi sesuatu bulan berkaitan.

2.1.3 Rayuan dan pindaan amaun PCB

- a) Mengubah amaun PCB atau tidak membuat potongan PCB

adalah tidak dibenarkan, melainkan jika terdapat kebenaran dari Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

- b) Sebarang rayuan berkenaan arahan potongan cukai yang tidak dipersetujui, bolehlah dibuat di Unit Pungutan Cawangan yang mengawal selia fail berkaitan.

#### 2.1.4 Pematuhan PCB

Majikan yang gagal mematuhi kaedah-kaedah PCB, tidak membuat potongan PCB atau tidak mengemukakan bayaran PCB pekerja kepada LHDNM pada atau sebelum 15 haribulan bulan berikutnya boleh dikenakan tindakan sivil dan jenayah.

### 2.2 Skim Bayaran Ansuran di bawah Seksyen 107B ACP (CP 500)

#### 2.2.1 Pengenalan

- a) Notis Bayaran Ansuran (CP500) dikeluarkan oleh LHDNM kepada pembayar cukai di bawah peruntukan seksyen 107B (1) ACP.
- b) CP500 dikeluarkan kepada pembayar cukai individu selain syarikat, koperasi, badan amanah dan perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai pendapatan selain penggajian.
- c) Pembayar cukai dikehendaki membuat enam (6) bayaran ansuran dwibulanan mulai dari bulan Mac tahun taksiran semasa sehingga bulan Januari tahun taksiran berikutnya.

**2.2.2 Asas anggaran dan prosedur bayaran CP500**

- a) Anggaran cukai CP500 adalah berdasarkan kepada amaun cukai kena dibayar bagi **2 tahun taksiran sebelum atau 3 tahun sebelumnya.**

**Comments:**

Section 107B(2) of the Income Tax Act 1967 (ITA) indicates that the Director General may take into consideration the tax assessed, if any, in respect of the person for the year of assessment preceding that year of assessment.

- b) Bagi pembayar cukai yang mempunyai pendapatan penggajian dan punca pendapatan lain, anggaran cukai tidak mengambilkira cukai yang berkaitan dengan pendapatan penggajian, kerana pendapatan penggajian adalah tertakluk kepada PCB.
- c) Tarikh kena dibayar ansuran CP500 ialah pada hari pertama bulan tersebut.

**2.2.3 Rayuan dan pindaan CP500**

- a) Permohonan untuk meminda CP500 boleh dirujuk ke Unit Pungutan Cawangan.
- b) Pindaan boleh dikemukakan pada atau sebelum 30 Jun tahun taksiran yang berkenaan. Permohonan selepas tarikh tersebut tidak dipertimbangkan. Pindaan hanya dibenarkan sekali sahaja.

**2.2.4 Kenaikan cukai dan Pematuhan CP500**

- a) Majikan yang gagal mematuhi arahan bayaran CP500, boleh dikenakan kenaikan cukai 10% di bawah seksyen 107B (3) ACP. Kenaikan boleh dikenakan jika majikan gagal membuat pembayaran CP500 selepas tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kena dibayar.

**Comments:**

The Institute would like to suggest that the word "Majikan" should be replaced with "Pembayar Cukai".

- b) Jika kelulusan untuk meminda amaun ansuran telah diperolehi, dan didapati terdapat perbezaan di antara cukai sebenar kena dibayar dengan cukai dipinda melebihi 30% daripada cukai sebenar kena dibayar, maka amaun perbezaan cukai akan dinaikkan 10% tanpa sebarang notis. Pengiraan kenaikan di bawah seksyen 107B (4) ACP:

$$[(CS-AC)-(30\%CS)] \times 10\%$$

CS – cukai sebenar kena dibayar  
(tidak termasuk cukai dari pendapatan penggajian)  
AC – anggaran cukai dipinda.

## 2.3 Skim Bayaran Ansuran di bawah Seksyen 107C ACP (CP204)

### 2.3.1 Pengenalan

- a) CP204 merupakan jadual pembayaran bagi Skim ansuran di bawah seksyen 107C ACP. CP204 hendaklah dikemukakan oleh pembayar cukai bagi kategori syarikat, badan amanah, koperasi dan perkongsian liabiliti terhad kepada LHDNM.

- b) CP204 mestilah dikemukakan sebelum tiga puluh (30) hari dari bermulanya tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. CP204 boleh dikemukakan secara e-filing (e-CP204) atau melalui borang (boleh diperolehi dari laman sesawang dan kaunter cawangan-cawangan LHDNM)

#### 2.3.2 Asas Anggaran dan Prosedur Bayaran CP204

- a) Anggaran cukai minima hendaklah tidak kurang daripada 85% dari anggaran cukai dipinda atau dari anggaran cukai kena dibayar bagi tahun taksiran sebelum.
- b) Anggaran cukai perlu dibayar secara ansuran mulai bulan ke-2 dalam tempoh asas tahun semasa. Bilangan ansuran adalah merujuk kepada bilangan bulan dalam tempoh asas berkenaan. Tarikh kena dibayar adalah sebelum atau pada 15 haribulan.
- c) Pembayar cukai perlu membuat pengiraan dan membayar mengikut pengiraannya.
- d) Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta pada tahun pertama permulaan operasi perlu mengemukakan CP204 dan syarikat tidak perlu menyatakan anggaran cukai dalam tempoh dua tahun dari tarikh mula beroperasi.
- e) Syarikat, badan amanah, koperasi atau perkongsian liabiliti terhad selain daripada sebuah syarikat yang

tertakluk di bawah seksyen 107C(4A) ACP yang baru pertama kali menjalankan operasi, dikehendaki untuk mengemukakan anggaran tidak lewat dari tiga bulan selepas tarikh berkuatkuasanya operasi itu.

**Comments:**

Pursuant to S.107C(4) of the ITA, the complete sentence for the above should be:-

“Syarikat, badan ... menjalankan operasi dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada enam bulan, dikehendaki untuk...”

- f) Bayaran ansuran bagi syarikat baru adalah dimulakan dalam bulan ke-6 tempoh asas. Bilangan bulan ansuran adalah mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas.

**2.3.3 Pindaan CP204.**

Pindaan anggaran CP204 boleh dibuat pada bulan ke-6 atau ke- 9 dalam tempoh asas menggunakan Borang CP204A

**2.3.4 Kenaikan cukai dan Pematuhan CP204**

- a) Jika ansuran CP204 tidak dijelaskan pada tarikh kena dibayar (bagi syarikat, badan amanah, koperasi atau perkongsian liabiliti terhad hari terakhir ialah bulan ke-7 bagi tempoh perakaunan), kenaikan 10% dikenakan atas keseluruhan ansuran anggaran cukai atau perbezaan amaun yang tidak dibayar di bawah seksyen 107C (9) ACP.
- b) Sekiranya perbezaan diantara cukai sebenar dengan anggaran

cukai dipinda atau anggaran cukai, jika tiada anggaran cukai, melebihi 30% daripada cukai sebenar, kenaikan 10% atas perbezaan yang melebihi 30% tanpa sebarang notis. Pengiraan kenaikan seksyen 107C (10) ACP seperti dibawah:

$$[ (CS-AC)-(30\%CS)] \times 10\%$$

CS—cukai sebenar kena dibayar

AC— anggaran cukai/ anggaran cukai dipinda

- c) Jika sesebuah syarikat, badan amanah, koperasi dan perkongsian liabiliti terhad gagal mengemukakan anggaran cukai (CP204) dan KPHDN tidak mengeluarkan anggaran cukai (CP205) di bawah peruntukan subseksyen 107C(8) ACP kenaikan 10% dari cukai kena dibayar boleh dikenakan apabila 13set13 nyata diterima. Subseksyen ini tidak terpakai sekiranya tindakan pendakwaan di bawah seksyen 120 telah diambil ke atas kegagalan mengemukakan CP204 tersebut. Kenaikan di bawah seksyen 107C (10A) ACP berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

### **3 BAB B : CUKAI PETROLEUM – AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (PITA)**

#### **Skim Bayaran Ansuran di bawah Seksyen 49A PITA (CP250)**

##### **3.1 Pengenalan**

Pengenaan cukai ke atas orang yang boleh dikenakan cukai (OBD) bagi sesuatu syarikat petroleum yang menjalankan aktiviti pengeluaran minyak dan

---

gas asli adalah tertakluk kepada PITA.

### **3.2 Asas Anggaran Cukai dan Prosedur Bayaran CP250**

- 3.2.1 OBD yang menjalankan aktiviti pengeluaran minyak dan gas asli dikehendaki membuat anggaran cukai untuk suatu tahun taksiran tidak kurang daripada 85% amaun anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai asal bagi tahun taksiran sebelumnya di bawah seksyen 49A PITA.
- 3.2.2 Anggaran cukai hendaklah dikemukakan dengan mengisi 14sset14 yang ditetapkan CP250.
- 3.2.3 OBD perlu mengemukakan CP250 untuk suatu tahun taksiran tidak lewat dari 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas sesuatu tahun taksiran.
- 3.2.4 OBD yang telah beroperasi (sedia ada), hendaklah membayar amaun seperti di CP250 untuk suatu tahun taksiran dalam 10 ansuran bulanan yang samarata selewat-lewatnya pada hari ke- 15 bulan berkenaan.
- 3.2.5 Bayaran ansuran boleh bermula dalam bulan kedua tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dan diselesaikan sebelum bulan kedua tempoh asas tahun taksiran berikut. OBD hendaklah menetapkan jadual bayaran 10 ansuran bulanan yang dipilih dalam tempoh 12 bulan dalam CP250 yang dikemukakan.
- 3.2.6 OBD yang baru memulakan aktiviti mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran tidak kurang dari enam bulan, hendaklah mengemukakan CP250 bagi tahun taksiran tersebut

---

selewat-lewatnya 3 bulan dari tarikh bermulanya tempoh asas.

- 3.2.7 Sekiranya OBD meminda CP250, yang mana amaunnya melebihi bayaran yang telah dibuat, baki cukai yang belum dibayar hendaklah dijelaskan dalam ansuran samarata bagi baki ansuran yang ada.
- 3.2.8 Jika Notis bayaran ansuran CP250 dikeluarkan oleh LHDNM sebelum bulan ke-6 tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, jumlah ansuran tersebut boleh disifatkan sebagai anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat untuk tahun taksiran tersebut.
- 3.2.9 Jika bayaran ansuran yang telah dibuat dalam sesuatu tahun taksiran melebihi anggaran cukai dipinda, OBD boleh memberhentikan bayaran ansuran berkenaan.

### **3.3 Pindaan CP250**

CP250 boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dengan menggunakan borang CP251.

### **3.4 Kenaikan cukai dan Pematuhan CP250**

- 3.4.1 Sekiranya OBD gagal membuat bayaran ansuran bulanan dalam tempoh ditetapkan, bayaran yang gagal akan dinaikkan sebanyak 10% tanpa sebarang notis di bawah seksyen 49A (11) PITA.
- 3.4.2 Sekiranya perbezaan diantara cukai sebenar kena dibayar dengan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai, jika tiada anggaran dipinda melebihi 30% daripada cukai sebenar, kenaikan 10% ke atas perbezaan tersebut tanpa sebarang notis di bawah seksyen 49A(12) PITA. Pengiraan cukai dinaikkan seperti berikut:

$[(CS-AC)-(30\%CS)] \times 10\%$

CS – cukai sebenar kena dibayar

AC – anggaran cukai/ anggaran cukai dipinda

3.4.3 Jika OBD gagal mengemukakan anggaran cukai (CP250) dan KPHDN tidak mengeluarkan anggaran cukai di bawah peruntukan subseksyen 49A(8) PITA kenaikan 10% dari cukai kena dibayar boleh dikenakan apabila 16sset16 nyata diterima. Subseksyen ini tidak terpakai sekiranya tindakan pendakwaan di bawah seksyen 58 PITA telah diambil ke atas kegagalan mengemukakan CP250 tersebut.

## 4 BAB C : CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH –AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 (ACKHT)

### 4.1 Pengenalan CKHT

4.1.1 CKHT ialah cukai yang dikenakan terhadap keuntungan modal daripada pelupusan harta tanah (rumah pangsa, rumah, kondominium, pangsapuri, 16sset16, tanah kosong dan lain-lain) yang terletak di Malaysia dan apa-apa kepentingan, opsyen atau hak lain di dalam atau di atas tanah tersebut , mengikut ACKHT.

4.1.2 Pelupusan syer dalam syarikat harta tanah juga tertakluk kepada CKHT.

#### **4.2 Bayaran CKHT**

- 4.2.1 Aktiviti pungutan CKHT bermula setelah notis taksiran bagi suatu tahun taksiran tertentu telah dibangkitkan terhadap seseorang pelupus yang tertakluk kepada CKHT.
- 4.2.2 Menurut subseksyen 21(1) ACKHT, bayaran CKHT hendaklah dibayar oleh pelupus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran disampaikan sama ada pembayar cukai merayu atau tidak terhadap taksiran tersebut.
- 4.2.3 Menurut subseksyen 21B(1) ACKHT, pemeroleh perlu memegang simpan kesemua balasan wang atau 3% dari jumlah nilai balasan (mengikut yang mana lebih rendah) dan bayaran tersebut hendaklah dibayar kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan 17set.
- 4.2.4 Sekiranya pelupusan harta tanah tidak dikenakan cukai disebabkan keadaan tertentu, pemeroleh boleh memilih untuk tidak meremit 3% wang balasan di bawah subseksyen 21B (1) ACKHT. Empat (4) keadaan tersebut adalah:
  - a) Harta tanah / syer dalam syarikat harta tanah telah dimiliki lebih daripada 5 tahun.

**Comments:**

The Institute suggests that it should be specified clearly that the above exemption is for an individual who is a citizen and a permanent resident.

- 
- b) Pelupus telah membuat permohonan pemilihan pengecualian cukai untuk pelupusan kediaman persendirian, kepada KPHDN di bawah Perenggan 9 Jadual 3 ACKHT.
  - c) Pelupusan aset mengakibatkan kerugian kerana harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan termasuk kes-kes rugi lelongan awam.
  - d) Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai kepada suatu Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) atau suatu Amanah Saham Hartanah (PTF) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No.4) 2003 [P.U.(A) 451/2003].

**Comments:**

There is more than one exemption order. As such, the Institute suggests that the wording be rephrased as below:

“Pelupusan asset yang dikecualikan cukai di bawah perintah pengecualian yang berkuatkuasa.”

- 4.2.5 Pelupus perlu mengemukakan Borang CKHT3 (boleh diperolehi daripada laman sesawang LHDNM ) kepada LHDNM bersama-sama Borang CKHT 1A / 1B, dengan satu salinan diberikan kepada pemeroleh supaya pemeroleh tidak meremit 3% wang balasan tersebut.

#### **4.3 Kenaikan cukai dan Pematuhan CKHT**

- 4.3.1 Menurut subseksyen 21(4) ACKHT, kenaikan 10% dikenakan ke atas amaun cukai yang terhutang jika pembayar cukai gagal membayar CKHT dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran disampaikan.

4.3.2 Bagi kes CKHT yang dikurangkan separa (taksiran dikurangkan), baki bayaran masih perlu dijelaskan dalam

4.3.3 tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran Asal disampaikan.

4.3.4 Menurut subseksyen 21B (2) ACKHT, kenaikan 10% akan dikenakan ke atas amaun balasan 3% yang gagal dibayar oleh pemeroleh.

## **5 BAB D : PERCUKAIAN AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990 (LBATA)**

### **5.1 Pengenalan**

5.1.1 Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 3 LBATA.

5.1.2 Sesebuah entiti Labuan itu boleh memilih untuk dicukai secara tetap sebanyak RM 20,000 atau dikenakan cukai pada kadar 3% dari keuntungan yang boleh dikenakan cukai dari akaun beraudit bagi entiti Labuan berkaitan.

### **5.2 Bayaran Cukai LBATA**

5.2.1 Sesebuah entiti Labuan yang dikenakan cukai, mestilah membuat bayaran sepenuhnya semasa memfailkan kenyataan bersumpah dan penyata keuntungan bagi sesuatu tahun taksiran.

5.2.2 Ansuran bayaran cukai atau lanjutan masa untuk membayar cukai tidak dibenarkan.

### **5.3 Kenaikan cukai dan Pematuhan Cukai LBATA**

- 5.3.1 Jika sesuatu entiti Labuan gagal membayar cukai mengikut seksyen 11 LBATA, kenaikan cukai sebanyak 10% boleh dikenakan ke atas cukai yang belum dibayar.
- 5.3.2 Cukai berserta kenaikan cukai ini mesti dibayar pada masa notis tuntutan tersebut disampaikan kepada entiti Labuan berkaitan.
- 5.3.3 Jika cukai masih lagi tertunggak, tindakan guaman sivil boleh dikenakan untuk memungut hutang tersebut.

## **6 BAB E : CUKAI PEGANGAN**

### **6.1 Pengenalan**

- 6.1.1 Cukai pegangan adalah cukai yang dikenakan terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin dan juga pemastautin di Malaysia.
- 6.1.2 Pembayar bertanggungjawab memotong cukai dengan kadar tertentu daripada bayaran itu dan meremit cukai tersebut kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan selepas bayaran itu dibayar atau dikreditkan kepada penerima tidak bermastautin.

### **6.2 Jenis-Jenis Bayaran yang tertakluk kepada Cukai Pegangan dan Kadar Cukai di bawah ACP**

Jenis Bayaran	Akta Cukai Pendapatan 1967	Kadar Cukai Pegangan	Borang Bayaran
Bayaran Kontrak	Seksyen 107A (1) (a) & 107A (1) (b)	10%, 3%	<a href="#">CP 37A</a>
Faedah	Seksyen 109	15%	<a href="#">CP 37</a>
Royalti	Seksyen 109	10%	<a href="#">CP 37</a>

**RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI**  
**PINDAAN 1/2015**

MALAYSIA

Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran teknikal,Bayaran perkhidmatan,Sewa / bayaran untuk menggunakan harta boleh alih	Seksyen 109B	10%	<a href="#"><u>CP 37D</u></a>
Pendapatan seniman kembara tidak bermastautin	Seksyen 109A	15%	Memo bayaran dikeluarkan oleh Cawangan Penaksiran
Amanah Pelaburan Harta Tanah(REIT) (i) Selain daripada syarikat pemastautin (ii) Syarikat bukan pemastautin (iii) Pelabur institusi asing berkuatkuasa mulai 01/01/2007	Seksyen 109D	10% 25% 10%	<a href="#"><u>CP 37E</u></a>
Dana Keluarga/Dana Takaful Keluarga/Dana Am (i) individu dan lain-lain (ii) syarikat tidak bermastautin	Seksyen 109E	8% 25%	<a href="#"><u>CP 37E(T)</u></a>
Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP	Seksyen 109F	10%	<a href="#"><u>CP 37F</u></a>
<b>Pengeluaran caruman anuiti tertanggung dan skim persaraan swasta</b>	<b>Seksyen 109G</b>	<b>8%</b>	<b>CP 37</b>

**Comments:**

The Institute suggests including details as above (in yellow).

### 6.3 Pematuhan Cukai Pegangan/Kenaikan cukai

6.3.1 Kenaikan cukai boleh dikenakan jika terdapat kegagalan dalam mematuhi kehendak cukai pegangan.

- 
- 6.3.2 Kenaikan cukai di bawah seksyen 107A, 109, 109B, 109D, 109E, 109F dan 109G ACP dikenakan ke atas jumlah cukai pegangan yang belum dibayar dan bukan atas
- 6.3.3 amaun bayaran yang tertakluk kepada cukai pegangan.
- a) Pembayar gagal membayar cukai pegangan pada kadar yang telah ditetapkan atau dinyatakan (sama ada telah dipotong atau tidak).
  - b) Pembayar lewat membayar cukai pegangan (tidak dalam tempoh satu bulan selepas tarikh dibayar atau dikreditkan bayaran kepada penerima).
  - c) Pembayar gagal membayar kenaikan cukai yang telah dikenakan ke atasnya kerana lewat membayar cukai pegangan atau gagal membayar cukai pegangan.
- 6.3.4 Kenaikan cukai pegangan adalah 10% daripada jumlah cukai pegangan yang belum dijelaskan jika pembayar gagal membayar cukai pegangan atau lewat membayar cukai pegangan dalam tempoh satu bulan selepas tarikh dibayar atau dikreditkan kepada penerima.

## **7 BAB F : PERKHIDMATAN BAYARAN**

### **7.1 Perkhidmatan Bayaran Melalui Medium Bayaran Elektronik**

- 7.1.1 Pembayar cukai boleh membayar cukai pendapatan (CP) dan CKHT secara elektronik melalui sistem ByrHASiL.

7.1.2 Majikan yang menggunakan sistem e-PCB dan e-Data PCB boleh membuat bayaran melalui internet (FPX dan POS Online). Sistem e-PCB disediakan untuk majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer, sementara sistem e-Data PCB disediakan untuk majikan yang telah menggunakan sistem penggajian berkomputer.

7.1.3 Pengguna yang membayar menggunakan sistem ByrHASiL, e-PCB dan e-Data PCB perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menjadi ahli FPX (Financial Process Exchange).

Bank-bank yang terlibat adalah:

- a) Bank Islam Malaysia Berhad
- b) CIMB Bank
- c) Hong Leong Bank Berhad
- d) Maybank2e / Maybank2U
- e) Public Bank Berhad
- f) RHB Bank Berhad
- g) Affin Bank Berhad
- h) Bank Simpanan Nasional

## **7.2 Pembayaran di kaunter LHDNM**

Pembayaran cukai boleh dibuat di tiga pusat bayaran berikut:

### **7.2.1 Pusat Bayaran Kuala Lumpur**

- 
- 7.2.2 Pusat Bayaran Kota Kinabalu
  - 7.2.3 Pusat Bayaran Kuching

### **7.3 Perkhidmatan Bayaran Cukai oleh Ejen-Ejen Kutipan LHDNM**

- 7.3.1 Bayaran di kaunter bank ejen
  - a) Bayaran di kaunter bank boleh dibuat secara tunai, cek dan arahan debit akaun. Bayaran CP, CKHT dan bayaran selain PCB bagi individu dan syarikat boleh dibuat di semua cawangan ejen-ejen kutipan yang berikut:
    - i. CIMB Bank
    - ii. Public Bank
    - iii. Maybank
    - iv. POS Malaysia (bayaran secara tunai sahaja)
    - v. Affin Bank
    - vi. Bank Rakyat
    - vii. RHB Bank
    - viii. Bank Simpanan Nasional
  - b) Bayaran PCB melalui kaunter bank hanya disediakan di CIMB dan Public Bank.
    - i. Bayaran PCB di kaunter bank perlulah menggunakan medium elektronik (disket) yang mengandungi maklumat pekerja yang terlibat dengan PCB, dan maklumat tersebut mestilah mengikut speksifikasi yang telah ditetapkan oleh LHDNM (Data CP39).
    - ii. Majikan yang pertama kali menggunakan medium elektronik (disket) di kaunter bank digalakkan

menghantar sampel Format Data CP39 di dalam medium elektronik tersebut serta contoh senarai potongan PCB (hardcopy) untuk diuji.

#### 7.3.2 Bayaran Melalui Internet bank ejen

Kemudahan pembayaran CP, CKHT dan PCB melalui saluran elektronik ejen-ejen LHDNM yang dilantik seperti berikut:

Alliance Bank	Bayaran PCB sahaja
CIMB Bank	Bayaran CP dan CKHT untuk individu sahaja Bayaran PCB
Citibank	Bayaran CP dan CKHT syarikat serta bayaran PCB
Hong Leong Bank	Bayaran CP dan CKHT individu dan syarikat serta bayaran PCB
Maybank	Bayaran CP dan CKHT Individu Bayaran CP dan CKHT untuk syarikat serta PCB
Public Bank	Bayaran CP, CKHT dan PCB individu dan syarikat
RHB Bank	Bayaran CP, CKHT dan PCB.
POS Malaysia	Bayaran CP dan CKHT (Debit akaun pembayar cukai melalui CIMBClicks, Bank Rakyat, Hong Leong Online, RHB Bank, MEPSCASH, Bank Islam, Al-Rajhi Bank dan Affin Bank)
Ambank	Bayaran PCB sahaja
OCBC Bank	Bayaran PCB sahaja
HSBC Bank	Bayaran PCB sahaja melalui HSBC
Bank Islam	Bayaran PCB sahaja.
Bank Simpanan Nasional	Bayaran CP dan CKHT

**Comments:**

The Institute suggests including details as above (in yellow).

7.3.3 Bayaran Melalui mesin ATM (Auto Teller Machine)  
Bayaran CP dan CKHT individu boleh dilakukan melalui mesin ATM di bank- bank berikut:

- a) Public Bank
- b) Maybank
- c) CIMB Bank

7.3.4 Bayaran Melalui Tele-Perbankan

Bayaran CP dan CKHT melalui perkhidmatan tele-perbankan disediakan melalui Maybank – Kawanku Phone Banking (1-300-88-6688)

7.3.5 Bayaran Melalui Mesin Deposit Cek:

Bayaran CP dan CKHT individu disediakan melalui Public Bank Berhad – Mesin Deposit Cek (CDM)

7.3.6 Bayaran Melalui Mesin Deposit Wang (Cash Deposit Machine)  
Bayaran CP dan CKHT individu disediakan melalui CIMB Bank Berhad – Mesin Deposit Tunai (CAM)

#### **7.4 Bayaran Cukai Melalui Pindahan Wang Dari Luar Negara**

Bayaran cukai pendapatan melalui pindahan wang dari luar negara boleh dilakukan dengan dua cara:

7.4.1 Melalui *Telegraphic Transfer (TT), Interbank Transfer Giro (IBG)* atau *Electronic Fund Transfer (EFT)*

- a) Bayaran cukai secara TT, IBG atau EFT boleh dibuat secara

**RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI**  
**PINDAAN 1/2015**

---

terus ke akaun LHDNM

i. No. Akaun penerima: 8000766957

ii. Nama Penerima (Payable to) :

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

iii. Nama dan alamat bank penerima:

CIMB Bank Berhad,  
Cawangan Jalan Duta Tingkat Bawah, Blok 8,  
Kompleks Pejabat Kerajaan, 50480 Jalan  
Duta, Kuala Lumpur, Malaysia

**Comments:**

The LHDNM's website indicates Jalan Tuanku Abdul Halim.

b) Bayaran secara TT (RENTAS), memerlukan kod pengenalan *swift* bagi CIMB Bank Berhad dan maklumat berikut:

i. *Swift Code* : CIBBMYKL

ii. maklumat lain yang diperlukan

- Nama Pembayar Cukai
- Nombor Rujukan Cukai
- Nombor Rujukan Transaksi TT/IBG/EFT
- Kod Bayaran Cukai (Rujuk lampiran)
- Tahun Taksiran bayaran dilakukan.
- Bulan ansuran (jika tiada maklumat LHDNM boleh mengambil kira bulan semasa sebagai nombor ansuran)

- 
- iii. Maklumat bayaran di atas perlu dikemukakan melalui emel atau fax kepada pegawai di Pusat Bayaran Kuala Lumpur. No faks (03-62013490 atau 03-62019637 atau 03-62016857)
  
  - iv. Pengesahan bayaran boleh dikeluarkan bagi bayaran yang telah disah terima oleh bank. Bayaran yang dibuat tanpa maklumat yang tepat boleh melambatkan proses dan menyebabkan pembayar cukai dikenakan denda lewat.

#### 7.4.2 Melalui Draf Bank

a) Pemindahan wang dari luar negara melalui cara ini memerlukan maklumat berikut:

- i. Nama Penerima (Payable to) :

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

ii. Nama dan alamat bank pembayar: Mesti “local paying bank” atau “local correspondence bank” supaya draf bank tersebut menjadi cek tempatan.

b) Draf bank tidak boleh dibeli dalam Ringgit Malaysia. Oleh itu, pertukaran mata wang bagi jumlah yang perlu dibayar hendaklah dibuat dengan tepat. Maklumat bayaran dan pembayar perlu ditulis di belakang draf bank dan diposkan ke:

Pusat Bayaran Kuala Lumpur  
Tingkat Bawah, Blok 8A  
Kompleks Bangunan Kerajaan **Jalan Duta**  
50600 KUALA LUMPUR

- 
- c) Bagi pembayar cukai individu yang mengemukakan BNCP melalui e-Filing, semakan bayaran serta kedudukan akaun cukai pendapatan boleh dibuat melalui e-Lejar di laman sesawang LHDNM.
  - d) Bayaran PCB yang telah dibayar kepada LHDNM boleh disemak melalui perkhidmatan Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Pembayar cukai perlu menggunakan nombor pengenalan dan kata laluan sama sewaktu *login* e-Filing.

#### 7.4.3 Bayaran Cukai Pegangan dan Borang

- a) Semua bayaran cukai pegangan (kecuali bagi Penghibur Awam tidak bermastautin) mestilah dikemukakan bersama perkara berikut:
  - i. borang bayaran yang berkaitan yang telah dilengkапkan;
  - ii. salinan invois daripada pihak penerima tidak bermastautin;
  - iii. salinan dokumen bayaran sebagai bukti tarikh dibayar/dikreditkan kepada penerima tidak bermastautin; dan
  - iv. salinan perjanjian kali pertama ( jika berkenaan)
- b) Cek-cek yang dibayar oleh bank-bank di luar Malaysia tidak akan diterima. Cukai pegangan tidak boleh dibayar di bank.
- c) Cek-cek hendaklah dipalang dan dibayar kepada “KETUA

**MALAYSIA**

PENGARAH HASIL DALAM NEGERI". Bayaran boleh dibuat melalui pos atau di kaunter bayaran seperti dinyatakan di bawah:

- i. Pusat Bayaran, Kuala Lumpur bagi Semenanjung
  - ii. Pusat Bayaran, Kota Kinabalu bagi Sabah
  - iii. Pusat Bayaran, Kuching bagi Sarawak
- d) Borang bayaran hendaklah diisikan dengan lengkap termasuk maklumat nombor cukai pendapatan Malaysia bagi pembayar dan penerima dengan menyatakan negara asal penerima.
- e) Sekiranya pembayar tiada maklumat nombor rujukan pendapatan penerima, pembayar boleh membuat permohonan nombor tersebut dengan menyatakan nama dan alamat penerima serta jenis bayaran kepada:

Pengarah  
Cawangan Tidak Bermastautin  
Unit Pengesanan Dan Khidmat Pelanggan  
Tingkat 3 Kiri, Blok 8  
Kompleks Bangunan Kerajaan  
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur

- f) Bagi kes bayaran segera (nombor rujukan cukai pendapatan penerima tidak diketahui), pembayar boleh mengemukakan Borang CP 37A/ CP 37/ CP 37D/E/F dan G berserta cek bayaran, salinan invois dan salinan pindahan telegraf/penyata bank kepada:

Pengarah  
Cawangan Tidak Bermastautin  
Unit Cukai Pegangan  
Tkt 7 Kanan, Blok 8

Kompleks Bangunan Kerajaan **Jalan Duta**  
50600 Kuala Lumpur

## 8 BAB G : PEMUNGUTAN

### 8.1 Baki Tertunggak Cukai Pendapatan

Baki cukai wujud jika anggaran cukai yang telah dibayar kurang daripada cukai kena dibayar. Sekiranya baki cukai gagal dibayar, kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP boleh dikenakan terhadap pembayar cukai.

### 8.2 Tarikh Kena Di Bayar

8.2.1 Cukai yang dikenakan bagi sesuatu taksiran dan baki cukai hendaklah dibayar pada atau sebelum tarikh yang kena dibayar tidak kira samada rayuan sedang dibuat terhadap taksiran tersebut. Maksud bagi ‘tarikh yang kena dibayar’ seperti berikut:-

- a) Kes suatu syarikat, badan amanah atau koperasi, tarikh yang kena dibayar ialah hari terakhir bulan ketujuh dari tarikh berikutnya penutupan tempoh perakaunan.
- b) Kes orang yang menjalankan perniagaan, tarikh yang kena dibayar ialah sebelum 30 Jun dalam tahun taksiran berikutnya.
- c) Kes-kes lain, tarikh yang kena dibayar ialah sebelum 30 April dalam tahun taksiran berikutnya.

- 
- 8.2.2 Bagi taksiran anggaran atau taksiran komposit (selepas audit) atau taksiran yang dinaikkan (taksiran pindaan), tarikh yang kena dibayar ialah dalam tempoh tiga puluh hari selepas Notis Taksiran disampaikan.

### **8.3 Kenaikan Cukai Seksyen 103 ACP**

Jika cukai gagal dibayar pada tarikh kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% dan kenaikan 5% selanjutnya atas baki belum dibayar, jika cukai masih belum dijelaskan selepas 60 hari. Kenaikan cukai dikira atas baki belum dibayar.

### **8.4 Ansuran Baki Cukai**

- 8.4.1 Peruntukan undang-undang memberi ruang kepada pembayar cukai untuk membayar cukai atau baki cukai secara ansuran.
- 8.4.2 Sekiranya cukai kena dibayar layak dikenakan kenaikan di bawah seksyen 103 ACP, ansuran yang dibenarkan adalah termasuk kenaikan tersebut.
- 8.4.3 Di dalam keadaan tertentu LHDNM memerlukan dokumen menyokong permohonan ansuran seperti slip gaji, penyata bank, penyata aliran tunai atau harta pembayar cukai.
- 8.4.4 Tindakan pemungutan melalui mahkamah BOLEH diambil serta merta sekiranya pembayar cukai gagal membayar ansuran mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 8.4.5 Permohonan ansuran hendaklah dikemukakan kepada cawangan / unit pungutan di mana fail pembayar cukai

---

dikendalikan.

### **8.5 Pemungutan Cukai Tertungggak**

- 8.5.1 Cukai tertungggak wujud apabila baki cukai gagal dibayar dalam tahun semasa sehingga melangkau ke tahun taksiran berikutnya.
- 8.5.2 Surat tuntutan dikeluarkan kepada pembayar cukai berserta pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 103,107B atau 107C ACP.
- 8.5.3 Bagi pembayar cukai yang mempunyai majikan, arahan kepada majikan memotong gaji daripada saraan pekerja bagi menjelaskan cukai tertungggak (CP38) akan dikeluarkan mengikut Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994.
- 8.5.4 Jika pembayar cukai masih gagal membuat bayaran selepas tindakan-tindakan di atas, surat pemberitahuan tindakan mahkamah (CP91) dan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP iaitu menghalang pembayar cukai daripada meninggalkan Malaysia boleh dikenakan cukai.
- 8.5.5 KPHDN boleh melantik ejen/wakil untuk memungut tunggakan cukai (recovery of tax) daripada pihak ketiga.
- 8.5.6 Ejen pemungutan adalah orang atau badan yang mempunyai wang yang boleh diperolehi (*accessible moneys*) kepada pembayar cukai. *Accessible moneys* adalah seperti berikut:

- 
- a) Wang yang dipegang oleh ejen (pihak ketiga) bagi pihak pembayar cukai yang merupakan sumber pendapatan kepada pembayar cukai.
  - b) Wang yang dipegang oleh ejen sebagai amanah (custody) dan kawalan bagi pihak pembayar cukai.
  - c) Wang tersebut tidak termasuk wang yang boleh diperolehi daripada sumber berikut:
    - i. Bank simpanan atau deposit merupakan pelaburan pembayar cukai dan bukan sumber pendapatan.
    - ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Caruman majikan/pekerja merupakan simpanan untuk persaraan.
    - iii. Pendapatan penggajian yang tertakluk kepada kaedah 3 dan kaedah 4 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada saraan) 1994.

## **9 BAB H : BAYARAN BALIK**

### **9.1 Pengenalan**

Kes-kes yang layak dibayar balik bagi cukai pendapatan adalah seperti berikut:

9.1.1 Bayaran balik lebihan cukai yang diproses adalah merujuk kepada lebihan cukai di bawah peruntukan:

- a) Seksyen 107 ACP (Potongan Cukai Bulanan-PCB).

- b) Seksyen 107B ACP (Notis Bayaran Ansuran-CP500).
- c) Seksyen 107C ACP (Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar oleh Syarikat/Perkongsian Liabiliti Terhad/ Badan Amanah/ Koperasi-CP204/CP205).
- d) Seksyen 111(1) ACP (Bayaran lebihan baki cukai yang dibayar).

9.1.2 Lebihan kredit cukai yang wujud berikutan taksiran cukai yang dikurangkan atau pindahan kredit /debit.

9.1.3 Pembayaran balik cukai pendapatan disebabkan tolakan di bawah peruntukan berikut:

- a) Tolakan Cukai Seksyen 110B ACP;
- b) Tolakan Cukai Seksyen 110 ACP(dividen); atau
- c) Tolakan Cukai Seksyen 110 ACP (lain-lain).

## **9.2 Prosedur Bayaran Balik Kepada Pembayar Cukai**

9.2.1 Sekiranya bayaran cukai yang telah dibuat melebihi cukai kena dibayar, lebihan bayaran itu akan dikembalikan kepada pembayar cukai.

9.2.2 Tuntutan ke atas pembayaran balik hendaklah dibuat dalam tempoh enam (6) tahun selepas akhir tahun taksiran berkaitan tuntutan itu (seksyen 111 ACP).

9.2.3 Pembayaran balik cukai terlebih bayar akan dibuat kepada

pembayar cukai dalam tempoh berikut:

- a) 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan melalui e-Filing.(Pembayar cukai digalakkan untuk memfailkan BNCP melalui eFiling)
- b) 90 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang yang lengkap

9.2.4 Sebelum proses bayaran balik bagi cukai terlebih bayar atau kredit cukai dibayar balik, penggunaan kredit cukai boleh digunakan seperti berikut :

- a) Menyelesaikan cukai tertunggak bagi tahun-tahun sebelum dan tahun semasa, termasuk kenaikan yang telah layak dikenakan.
- b) Menjelaskan bayaran ansuran semasa (CP500/CP204) dibawah seksyen 107B/107C ACP.
- c) Menggunakan lebihan kredit untuk menjelaskan ansuran pungutan dan ansuran lain-lain yang belum melewati tarikh perlu dibayar.

9.2.5 Permohonan bayaran balik adalah berdasarkan cukai terlebih bayar atau kredit cukai dibayar balik di ruangan rumusan cukai dalam Borang Nyata Cukai Pencapatan (BNCP) yang dikemukakan bagi tahun berkenaan. Bagaimanapun amaun tersebut akan dikurangkan jika ada debit atau tunggakan cukai tahun sebelum. Permohonan bayaran balik juga boleh dikemukakan kepada Unit Pungutan Cawangan yang mengurus fail berkaitan.

- 
- 9.2.6 Sekiranya pembayaran balik telah dibuat kepada pembayar cukai dan apabila diaudit terdapat tambahan cukai bagi kes kesilapan pengiraan, kesilapan tuntutan, terkurang lapor dan sebagainya, pembayar cukai perlu menjelaskan amaun taksiran cukai tambahan tersebut.

### **9.3 Prosedur Bayaran Balik CKHT**

Kes-kes bayaran balik yang layak adalah seperti berikut:

- 9.3.1 Bayaran balik kepada pelupus boleh diproses apabila taksiran telah selesai dibangkitkan dan lejar CKHT berbaki kredit serta boleh dibayar balik.

- 9.3.2 Bayaran balik diproses bagi kes-kes lain adalah seperti berikut:

- a) Perjanjian jual beli dibatalkan (Pelupus perlu memberi persetujuan kepada pemeroleh berhubung dengan bayaran balik).
- b) Pelupusan yang mendapat pengecualian cukai.
- c) Kes tidak kena cukai.
- d) Cukai terlebih bayar.

### **9.4 Bayaran Balik Kepada Pihak Ketiga**

#### **9.4.1 Kes Individu**

- a) Bayaran balik boleh dibuat kepada ahli keluarga pembayar cukai seperti suami/ isteri/ ibu/ bapa atau anak maklumat yang diperlukan bagi memproses kes ini:
  - i. Nama dan nombor kad pengenalan penerima

- 
- ii. Nombor akaun bank penerima
  - iii. Surat kuasa atau Surat pentadbir Harta Pesaka atau Surat Akuan Sumpah (Borang Am 80)

**Comments:**

Under current practice, a refund can be made to a company with a deed of assignment.

- b) Maklumat tambahan diperlukan jika penerima bayaran adalah selain dari di atas misalnya peguam atau akauntan, maklumat yang diperlukan ialah Perintah Mahkamah atau Surat ikatan penyerahan bersetem.

#### 9.4.2 Bayaran balik kes syarikat:

Maklumat berikut diperlukan untuk memproses bayaran balik kepada syarikat:

- a) Syarikat Tempatan
  - i. Salinan Resolusi Lembaga Pengarah syarikat.
  - ii. Salinan yang dimeterikan (*Company Common Seal*) dengan tandatangan pengarah-pengarah syarikat. Sekiranya tidak ditandatangani oleh semua pengarah, satu salinan Memorandum dan Artikel syarikat (*certified true copy*) perlu dikemukakan.
  - iii. Borang '49' yang diakui sah oleh setiausaha dengan nama dan alamat penuh dicatatkan.

- 
- iv. Salinan minit mesyuarat terakhir, surat lantikan pembubaran atau perintah Mahkamah dan salinan Borang 11 (bagi kes dalam pembubaran)
  - v. Nombor akaun bank

- b) Syarikat luar negeri
  - i. Surat ikatan Penyerahan (*deed of assignment*) bersetem perlu diutamakan
  - ii. Jika tiada, Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat boleh diterima.

#### 9.4.3 Bayaran balik kepada majikan

- a) Majikan swasta
  - i. Sekiranya majikan telah membuat bayaran/ potongan gaji berlebihan/ tidak sepatutnya dibayar atau dipotong, bayaran balik akan diproses jika dokumen lengkap diterima.
  - ii. Majikan perlu mengemukakan salinan resit serta baucar bayaran yang membuktikan bayaran berkenaan telah dibuat.
  - iii. Surat pelepasan tanggungan bersetem (perlu disediakan oleh majikan bukan Kerajaan, dokumen ini dikecualikan bagi majikan kerajaan)
- b) Majikan kerajaan

i. Salinan resit serta baucar bayaran yang membuktikan bayaran berkenaan telah dibuat.

ii. Surat pengesahan daripada Ketua Jabatan

c) Kes cukai ditanggung oleh majikan (*tax on tax*)

i. Kes di mana cukai pekerja ke atas pendapatan penggajian dibayar oleh pihak majikan dan cukai tersebut merupakan saraan tambahan kepada pekerja.

ii. Jika taksiran telah dikurangkan dan pihak majikan balik boleh dibuat kepada majikan jika LHDNM berpuas hati bahawa kes tersebut adalah kes cukai atas cukai.

iii. Jika pembayar cukai mempunyai lebih dari satu punca pendapatan, pembayaran balik tidak boleh dibuat kepada majikan tanpa kebenaran bertulis daripada pekerja tersebut.

iv. Pembayaran balik akan dibuat kepada majikan jika terdapat perjanjian di antara majikan dan pekerja atau maklumat sah bahawa cukai adalah tanggungan majikan .

v. Majikan hendaklah mengemukakan dokumen berikut sebagai surat sokongan untuk proses pembayaran balik.

**RANGKA KERJA PUNGUTAN CUKAI**  
**PINDAAN 1/2015**

- 
- Surat perjanjian majikan dan pekerja
  - Surat pelepasan tanggungan bersetem (surat pelepasan tanggungan bersetem yang menjamin bahawa kerajaan tidak akan didakwa terhadap sebarang tuntutan yang dibuat oleh pekerja)
- d) Bayaran balik bagi pembayar cukai yang telah meninggal dunia.

Dokumen yang diperlukan:

- i. Salinan Surat Pentadbir Harta Pesaka (*Grant of probate*) yang diakui sah sama ada oleh Pesuruhjaya Sumpah, Majistret Mahkamah atau kakitangan kerajaan dalam kategori A.
- ii. Bagi kes pembayaran balik kepada waris atau pentadbir, nama waris atau pentadbir diikuti dengan nama harta pusaka hendaklah dinyatakan.
- iii. Jika terdapat lebih dari satu pentadbir harta pusaka bayaran balik akan dibuat atas satu nama pentadbir sahaja.
- iv. Jika pembayar cukai tidak mempunyai harta, Surat Akuan Sumpah (Borang Am 80) yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret Mahkamah boleh diterima.
- v. Jika pembayar cukai tidak bermastautin telah meninggal dunia, surat akuan mestilah ditandatangani

di hadapan *Notary Public*.

- e) Bayaran balik bagi kes Surat Penyelesaian Cukai
  - i. Surat Penyelesaian Cukai (SPC) merupakan pengiraan cukai dan bukan notis taksiran.
  - ii. Bayaran balik hanya boleh diproses apabila borang BNCP bagi tahun taksiran berkenaan telah diterima dan taksiran telah dibangkitkan.
- f) Bayaran balik bagi kes cukai ditangguhkan
  - i. Jika cukai bagi sesuatu tahun taksiran telah ditangguhkan dan terdapat kredit yang wujud daripada taksiran kurangan/ lebihan untuk tahun-tahun lain, kredit tersebut boleh dibayar balik.
  - ii. Jika kredit wujud berkaitan tahun taksiran dimana cukai telah ditangguhkan, kredit tersebut tidak boleh dibayar balik. Walau bagaimanapun, jika bayaran yang dibuat melebihi cukai yang ditaksir, kredit boleh dibayar balik.
- g) Bayaran balik bagi kes Taksiran Pendahuluan (Advance Assessment)
  - i. Taksiran pendahuluan dikeluarkan bagi kes pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia atau sekiranya perniagaan telah diberhentikan. Taksiran pendahuluan merupakan notis taksiran.

- 
- ii. Bayaran balik boleh dibuat jika terdapat lebihan bayaran.

## **9.5 Cara Bayaran Balik**

### **9.5.1 *Electronic Fund Transfer (EFT)***

- a) Pembayar cukai hendaklah beralamat dalam negara.
- b) Bayaran balik akan dimasukkan terus ke akaun bank pembayar cukai sekiranya nombor akaun bank dikemukakan.
  - i. Nombor akaun bank, nama bank, kod RENTAS bank dan alamat emel adalah diperlukan.
  - ii. Pastikan nombor akaun yang diberikan bukan akaun bersama.
- c) Pembayaran dibuat atas nama pembayar cukai sahaja.
- d) Bagi tujuan pelaksanaan semakan dua kunci oleh pihak bank, pembayar cukai hendaklah diminta untuk memastikan rekod nombor kad pengenalan di LHDNM dan bank adalah sama.

### **9.5.2 *Telegraphic Transfer (TT)***

- a) Pembayar cukai/ penerima bayaran hendaklah beralamat di luar negara.
- b) Maklumat yang diperlukan:

- i. Nama pembayar cukai seperti rekod di bank luar Negara
- ii. Maklumat bank :
  - Nama bank
  - Alamat bank
  - Kod SWIFT/ Kod IBAN
  - Jenis matawang yang digunakan oleh bank pembayar di luar negara

#### 9.5.3 Deraf Bank

- a) Pembayar cukai/ penerima bayaran hendaklah beralamat di luar negara.
- b) Maklumat yang diperlukan:
  - i. Nama pembayar cukai; dan
  - ii. Alamat luar negara (Bukan alamat PO Box)

#### 9.5.4 Cek

Bayaran balik dibuat menggunakan cek kepada pembayar cukai yang tidak membekalkan nombor akaun dan beralamat dalam negara.

### 9.6 Pampasan Bayaran Balik Di Bawah Seksyen 111D ACP

- 9.6.1 Mulai tahun taksiran 2013, pampasan 2% daripada amaun bayaran balik boleh diberikan kepada pembayar cukai sekiranya LHDNM lewat memproses bayaran balik iaitu:

a) Selepas 90 hari daripada tarikh akhir ditetapkan bagi pengemukaan BNCP melalui elektronik.

b) Selepas 120 hari daripada tarikh akhir ditetapkan bagi pengemukaan BNCP secara manual.

**9.6.2 Pembayar cukai yang layak dibayar pampasan:**

a) Pembayar cukai yang mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

i. Tidak lewat dari 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian.

ii. Tidak lewat dari 30 Jun bagi individu yang menjalankan perniagaan.

iii. Dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh perakaunan berakhir bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi.

b) BNCP yang dikemukakan adalah betul dan teratur.

**9.6.3 Pampasan yang boleh dibayar hanya mengambil kira lebihan cukai yang disebabkan oleh bayaran di bawah seksyen 107 ACP (Potongan Cukai Bulanan PCB), seksyen 107B ACP (Notis Bayaran Ansuran CP500) dan seksyen 107C ACP (Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar oleh Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad / Badan Amanah / Koperasi – CP204/CP205).**

**9.6.4 Pembayar Cukai Yang Tidak Layak Dibayar Pampasan**  
Kes-kes bayaran balik yang tidak layak dibayar pampasan

---

adalah seperti berikut:

- i. BNCP dikemukakan selepas tarikh yang ditetapkan menurut ACP.
- ii. Terdapat kesilapan tuntutan.
- iii. Pembayar cukai membuat rayuan terhadap taksiran.
- iv. Pembayar cukai yang tidak mempunyai jadual ansuran cukai seksyen 107, seksyen 107B dan seksyen 110 ACP.
- v. Tolakan cukai di bawah seksyen 110 ACP adalah melebihi amaun cukai kena dibayar.
- vi. Terdapat kesilapan pengiraan matematik.
- vii. Pembayar cukai gagal mematuhi jadual ansuran seksyen 107, seksyen 107B dan seksyen 107C ACP.



[TAN SRI DATUK WIRA DR. MOHD. SHUKOR BIN HJ. MAHFAR]

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh : 

---

**LAMPIRAN**

**Jadual Kod Bayaran**

<b>Item</b>	<b>Kod Bayaran</b>	<b>Keterangan</b>
1	084	Bayaran Ansuran Cukai – Individu
2	086	Bayaran Ansuran Cukai – Syarikat
3	088	Pendahuluan / Ansuran Cukai Komposit
4	090	Bayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah
5	095	Bayaran Cukai Pendapatan (tidak termasuk skim ansuran)
6	150	Bayaran Kenaikan Seksyen 103A / 103
7	151	Bayaran Seksyen 108
8	152	Bayaran Kenaikan Seksyen 108
9	153	Bayaran Kenaikan Komposit
10	154	Bayaran Kenaikan Seksyen 107C(9) / 107B(3)
11	155	Bayaran Kenaikan Seksyen 107C(10) / 107B(4)
12	156	Bayaran Kos Mahkamah
13	157	Bayaran Faedah Atas Hutang Hukuman
14	158	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Audit
15	159	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Unit Pemungutan

---

16	160	Bayaran Ansuran Dibenarkan oleh Unit Guaman Sivil
17	173	Bayaran Kos Guaman
18	178	Bayaran Seksyen 108 (Sek 25)
19	181	Bayaran Kenaikan Seksyen 25
20	196	Bayaran Penyelesaian Cukai
21	197	Bayaran Penyelesaian Cukai - Majikan
22	250	Bayaran Kenaikan CKHT Oleh Pelupus
23	286	Bayaran Kenaikan CKHT Oleh Pemeroleh
24	092	Bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB)

MALAYSIA

CARTA PERKHIDMATAN PEMBAYARAN DI EJEN-EJEN LHDNM

CUKAI PENDAPATAN/BAYARAN SELAIN PCB											
JENIS PERKHIDMATAN	CIMB BANK	PUBLIC BANK	RHB BANK	MAYBANK	ALLIANCE BANK	HONG LEONG BANK	CITI BANK	POS MALAYSIA	AFFIN BANK	BANK RAKYAT	BSN
KAUNTER	✓	✓	✓	✓	-	-	-	✓	✓	✓	✓
ATM	✓	✓	-	✓	-	-	-	-	-	-	-
PERBANKAN INTERNET	✓ (Individu Sahaja)	✓	✓	✓	✓	✓	✓ (Bayaran Syarikat Sahaja)	✓	-	-	✓
PERBANKAN TELEFON	-	-	-	✓	-	-	-	-	-	-	-
MESIN DEPOSIT CEK (CDM)	-	✓ (Individu Sahaja)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MESIN DEPOSIT TUNAI (CAM)	✓ (Individu Sahaja)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

BAYARAN PCB											
JENIS PERKHIDMATAN	CIMB BANK	PUBLIC BANK	RHB BANK	MAYBANK	ALLIANCE BANK	HONG LEONG BANK	CITI BANK	AMBANK	OCBC BANK	HSBC BANK	BANK ISLAM
KAUNTER	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-
PERBANKAN INTERNET	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓